

Cabaran terjun berakhir hampa

GOLD COAST 14 April - Terjun menutup cabaran di Sukan Komanwel hari ini tanpa menambah sebarang pingat apabila semua penerjun berada di tempat hampir tercorot dalam acara *final* masing-masing.

Nor Dhabitah Sabri atau Dhabitah yang diharapkan dapat memberi sesuatu yang bermakna kepada kontinjen negara, sekadar menamatkan acara 3 meter papan anjal wanita di tempat ke-11 daripada 12 peserta akhir.

Dhabitah bukan sahaja mengumpul 264.90 mata malah



MINGGUAN MALAYSIA 15/4/2019 p. 23

pungutan matanya lebih rendah daripada penerjun yang lebih junior daripadanya, Kimberly Bong yang menduduki tempat ke-10 dengan 270.10 mata.

Emas acara ini dimenangi penerjun Kanada, Jennifer Abel yang mengumpul 366.95 mata diikuti dua penerjun Australia, Maddison Keeney yang menang perak (366.55 mata) dan Anabelle Smith, pingat gangsa (336.90 mata).

Dalam acara 10 meter platform lelaki, Chew Yiwei menamatkan cabaran di tempat kesembilan daripada 12 peserta akhir.

Yiwei mengumpul 362.10 mata jauh lebih rendah berbanding pemenang pingat emas, Domonic

Bedggood dari Australia yang mengumpul 451.15 mata.

Pingat perak acara ini diraih penerjun England, Matthew Dixon (449.55 mata) dan gangsa menjadi milik penerjun Kanada, Vincent Reindeau (425.40 mata).

Dengan tamatnya saingan, skuad terjun secara keseluruhannya berjaya membawa pulang satu emas dan dua gangsa daripada temasya kali ini.

Emas disumbang Pandelega Rinong-Cheong Jun Hoong dalam acara 10 meter platform seirama wanita manakala gangsa disumbang Dhabitah-Leong Mun Yee dalam acara sama dan 3 meter papan anjal seirama wanita.

KIMBERLY BONG menduduki tempat ke-10 dengan 270.10 mata dalam acara 3 meter papan anjal wanita akhir.
- REUTERS

